

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos / September 1998

PGT 362 : Undang-Undang Dan Peraturan Sekolah

Masa : [3 Jam]

Pilih dan jawab mana-mana **Empat** (4) soalan sahaja.

1. Anda dikehendaki menyediakan satu kertas kerja untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan swasta. Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menubuhkan institusi tersebut di dalam kertas kerja itu.
[25 markah]
2. Semua guru yang mengajar di sekolah kerajaan atau swasta memerlukan permit mengajar. Bincangkan perkara ini dalam konteks Akta Pendidikan 96.
[25 markah]
3. Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru ditubuhkan untuk membantu dan bukan mengganggu sekolah. Bincangkan.
[25 markah]
4. Anda akan dilantik sebagai seorang guru siswazah kategori DG3 selepas lulus dari universiti. Huraikan proses-proses perlantikan, pengesahan dalam jawatan dan kemasukan ke dalam perjawatan berpencen mengikut Skim Saraan Baru.
[25 markah]
5. Berbagai peraturan telah diadakan untuk menghadapi masalah disiplin di sekolah, namun masalah ini masih tidak dapat diatasi. Mengapakah pada pendapat anda keadaan ini masih berlaku dan cadangkan cara-cara untuk menanganinya dengan lebih berkesan.
[25 markah]
6. Anda dikehendaki menubuh dan mengelolakan Persatuan Bahasa Melayu di sekolah anda. Sebagai Guru Penasihat Persatuan jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menubuhkannya dan cara-cara untuk menguruskannya.
[25 markah]

- 0000000 -

